



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan  
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh  
75450 Melaka

Tel:06-2895000  
Faks:06-2345201 / 5202 / 5207  
Web:http://portalpp.anm.my/melaka

Ruj. Kami : ANM(A)MEL/89 JLD.5 (82)  
Tarikh : 11 Mei 2022  
Bersamaan : 10 Syawal 1443H

**YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,  
Perhatian kepada semua PTJ,**

Tuan,

**PENGURUSAN TERIMAAN MELALUI KAEDAH e-PEMBAYARAN**

Dengan Dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sebagaimana Tuan sedia maklum, e-Pembayaran adalah kaedah pembayaran kepada Kerajaan secara elektronik dengan menggunakan mod terimaan tanpa tunai seperti Kad Debit, Kad Kredit, JomPAY, Kad American Express (AMEX) dan Pindahan Dana daripada Akaun Bank Pembayar (EFT). Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) melalui Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil.3 Tahun 2019 telah mengeluarkan Garis Panduan Pengurusan Terimaan Melalui Kaedah e-Pembayaran. Garis panduan ini menerangkan secara terperinci tentang tanggungjawab Pusat Tanggungjawab (PTJ) / Pejabat Pemungut (PP) dan Pejabat Perakaunan (AO) dalam melaksanakan pengurusan terimaan melalui kaedah e-Pembayaran bagi memastikan transaksi diperakaunkan dengan tepat dan betul dalam tempoh masa yang ditetapkan.

3. Sehubungan itu, PTJ / PP adalah dipohon untuk mengambil perhatian dan tindakan ke atas perkara-perkara berikut

**3.1 Penggunaan ID Korporat Terimaan**

- i. Pegawai Penyedia di PTJ / PP hendaklah memastikan **ruangan nombor slip bank Penyata Pemungut dikemaskini mengikut nombor ID Korporat Terimaan** sebelum dikemukakan kepada Pegawai Peraku 1.
- ii. ID Korporat Terimaan telah diwujudkan semasa permohonan pembukaan Akaun Terimaan Kecil Perbendaharaan (ATKP) diluluskan. Struktur ID Korporat Terimaan adalah berdasarkan struktur berikut:

Kod Kumpulan PTJ + Kod PTJ + ID Bank + ID Saluran Terimaan + Nombor Unik Oleh Bank

2 aksara	6 aksara	1 aksara	1 aksara	3 aksara
----------	----------	----------	----------	----------

- iii. PTJ / PP hendaklah memastikan nombor ID Korporat Terimaan dinyatakan pada transaksi dan dokumen Pindahan Wang oleh *Acquiring Bank*, Penyata Bank Harian dan Penyata Pemungut.
- iv. PTJ/PP perlu memaklumkan kepada *Acquiring Bank* yang dilantik supaya **sentiasa mematuhi penggunaan ID Korporat Terimaan** seperti pada para ii dan para iii.

### 3.2+

#### Pemindahan Wang

- i. PTJ / PP adalah bertanggungjawab memastikan *Acquiring Bank* yang dilantik memindahkan semua terimaan yang dipungut ke Akaun Terimaan Utama AO dalam tempoh satu (1) hari bekerja selepas hari transaksi (T+1) sebelum jam 4.00 petang.
- ii. PTJ / PP hendaklah memastikan *Acquiring Bank* menghantar **Notifikasi Pindahan Wang (NPW)** / Penyata Bank Harian (PBH) / Laporan Ringkasan Pindahan Wang kepada PTJ / PP dan AO bagi memaklumkan amaun yang dipindahkan ke Akaun Terimaan Utama AO. Pemakluman kepada AO boleh di hantar secara email ke [upd\\_mlk@anm.gov.my](mailto:upd_mlk@anm.gov.my) pada hari yang sama pindahan dilakukan atau pada tarikh yang ditentukan oleh Pejabat Perakaunan.

### 3.3

#### Penyata Pemungut

- i. PTJ / PP hendaklah menyediakan Penyata Pemungut *Online* berdasarkan amaun pindahan di Laporan Terimaan Harian (LTH) / Laporan Urusniaga Harian (LUH) dan Notifikasi Pindahan Wang (NPW) / Penyata Bank Harian (PBH) / Laporan Ringkasan Pindahan Wang yang diklasifikasikan mengikut kod hasil.

4. Sehubungan itu, semua PTJ / PP yang mempunyai kutipan secara e-Pembayaran adalah dipohon untuk mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan dalam SPANM Bil.3/2019. Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan perkara ini, dipohon pihak Tuan untuk menghubungi Cik Nurazimah Binti Mohd Salleh (06-2895077) atau Puan Ismajuliana Binti Ismail (06-2895071).

5. Perhatian dan kerjasama daripada pihak Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.


Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(SHABIBAH BINTI BACHOK C.A(M), CPA (Aust.))**

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia,  
Negeri Melaka.